

Soalan 1

Terangkan cadangan ke arah pembentukan Malaysia.

Soalan 1	Butiran	Markah
	<ul style="list-style-type: none"> - Idea pembentukan Malaysia telah pun dikemukakan sejak awal abad ke-19. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Cadangan pertama dikemukakan pada tahun 1887 oleh Lord Brassey, iaitu Pengarah Syarikat Borneo Utara. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau mencadangkan agar Kerajaan British menggabungkan Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) dengan Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Pada tahun 1948 pula Sir Malcolm MacDonald yang merupakan Gabenor Jeneral Asia Tenggara (1949 - 1952), mencadangkan supaya Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Pada tahun 1956 Dato' Onn Ja'afar mencadangkan agar Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia kerana menurut beliau pada suatu masa nanti British akan menggabungkan negeri Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Selain itu, terdapat juga cadangan daripada pemimpin Singapura iaitu, Lim Yew Hock, diikuti oleh David Marshall pada tahun 1955 dan kemudiannya oleh Lee Kuan Yew pada tahun 1959. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Lee Kuan Yew telah mendesak British supaya berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sahaja. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Idea ini sama sekali tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk. 	1 m

	<ul style="list-style-type: none"> - Walaubagaimanapun, pada 27 Mei 1961 Tunku Abdul Rahman telah menyetujui gagasan Malaysia dan mencadangkan pembentukannya dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau menyuarakan harapannya supaya negara Malaysia dapat dibentuk bagi menjamin satu kedudukan politik yang lebih kukuh dan disegani di rantau ini. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Dengan ini kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial dapat diwujudkan. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Menurut beliau lagi, pembentukan negara Malaysia memerlukan kerjasama antara British dengan rakyat tempatan. 	1 m
	(Mana-mana 5 X 1)	(5m)

Soalan 2

2. Huraikan faktor-faktor pembentukan Malaysia.
- a. Faktor politik.
 - b. Faktor ekonomi.
 - c. Faktor sosial.

Soalan 2	Butiran	Markah
	<p>a) Faktor Politik</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Malaysia kerana perkembangan pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi Pilihanraya Hong Lim di Singapura pada bulan April 1961. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Kebangkitan pengaruh Barisan Sosialis akan melemahkan parti pimpinan Lee Kuan Yew, iaitu Parti Tindakan Rakyat atau People Action's Party (PAP) pada masa hadapan. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Perkembangan ini membimbangkan kerana menggugat rancangan Kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Singapura. 	1 m

	<ul style="list-style-type: none"> - Dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1960 telah timbul usul agar tanah-tanah jajahan dimerdekakan. - Kejayaan pembentukan Malaysia diharapkan dapat memberikan kestabilan politik kepada rantau Asia Tenggara. - British berharap pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran pengaruh komunis di Singapura dan wilayah-wilayah Borneo. - British perlu mengambil langkah-langkah ke arah memastikan kepentingan mereka terkawal terutama pangkalannya di Singapura. <p style="text-align: right;">(Mana-mana 10 X 1)</p> <p>a) Faktor Ekonomi (5 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penubuhan Malaysia akan mewujudkan satu pasaran yang lebih luas. - Menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian. - Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi dapat memanfaatkan keistimewaan dan sumber-sumber yang ada di negeri-negeri ini. - Tanah Melayu kaya dengan bahan mentah seperti getah dan bijih timah. - Sarawak dan Sabah pula mempunyai sumber balak. - Manakala Brunei kaya dengan sumber minyak. <p style="text-align: right;">(Mana-mana 05 X 1)</p> <p>c) Faktor Sosial (5 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Salah satu faktor utama pembentukan Malaysia adalah untuk mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum di kalangan negeri anggota dengan memasukkan Sarawak, Sabah dan Brunei ke dalam gabungan itu. 	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>(10 m)</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>(05 m)</p> <p>1 m</p>
--	--	---

	- Pada keseluruhannya, pembentukan Malaysia bertujuan untuk menyegerakan kemerdekaan bagi negeri-negeri anggota.	1 m
	- Di samping untuk memajukan negeri-negeri yang belum membangun seperti Sarawak dan Sabah.	1 m
	- Ini selari dengan dasar dekolonisasi British.	1 m
	- Pembentukan Malaysia juga memperlihatkan kesepakatan dan semangat setia kawan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Singapura.	1 m
	- Ini bertujuan untuk memajukan negeri masing-masing demi kepentingan bersama.	1 m
	(Mana –mana 05 X 1)	05 m

Soalan 3

Jelaskan reaksi Singapura dan Brunei ke arah pembentukan Malaysia.

Soalan 3	Butiran	Markah
	<p>Singapura</p> <p>Parti Tindakan Rakyat (PAP)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sejak tahun 1950an , Singapura berhasrat bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu. - Lee Kuan Yew dan partinya, Parti tindakan Rakyat (PAP) menyokong usaha ini kerana bimbang dengan pengaruh parti berhaluan kiri yang kuat. - Lee Kuan Yew ingin mempertahankan kedudukannya sendiri. - Menjelang bulan Disember 1961, Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usul penggabungan ini. <p>Barisan Sosialis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Parti pembangkang Singapura yang terbesar iaitu Barisan Sosialis menentang idea pembentukan Malaysia. - Barisan Sosialis beranggapan gagasan Malaysia merupakan satu bentuk penjajahan baru. 	<p>1m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>

	- Pemberontakan ini dilancarkan apabila Majlis Mesyuarat Undangan Negara Brunei diadakan menyebabkan sultan Brunei menangguhkan keputusan tentang gagasan Malaysia.	1 m
	- A.M Azahari dan penyokongnya mendapat bantuan dan sokongan daripada Indonesia dan Filipina.	1 m
	- Pemberontakan Brunei yang berlaku pada 7 Disember 1962 dapat dipatahkan oleh tentera British, tetapi A.M Azahari yang berada di Manila tidak dapat ditangkap.	1 m
	- A.M Azahari kemudiannya mendapat perlindungan politik di Indonesia.	1 m
	(mana-mana 15 X1)	(15 m)

Soalan 4

Huraikan reaksi negara luar terhadap pembentukan Malaysia.

- a. Indonesia.
- b. Filipina.

Soalan 4	Butiran	Markah
4 (a)	a) Indonesia	
	- Indonesia membantah pembentukan Malaysia walaupun pada peringkat awalnya tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap pembentukan Malaysia.	1 m
	- Penentangan Indonesia hanya pada akhir tahun 1962 kerana Indonesia berpendapat bahawa pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme yang akan mengancam Indonesia.	1 m
	- Pandangan yang disuarakan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) telah mempengaruhi Presiden Soekarno untuk mengisytiharkan Dasar Konfrontasi.	1 m

4 (b)	<ul style="list-style-type: none"> - Hubungan tegang Antara Indonesia-Malaysia berterusan sehingga bulan September apabila berlaku pemberontakan bersenjata di Indonesia. 1 m - Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno dalam pemberontakan tersebut. 1 m - Presiden Soeharto telah menghantar Menteri Luar Indonesia Adam Malik bagi memelihara hubungan diplomatik Indonesia-Malaysia. 1 m - Perundingan telah diadakan di Bangkok pada tahun 1966 dan Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak Hussien. 1 m - Menjelang bulan Ogos 1966, konfrontasi terhadap Malaysia ditamatkan . 1 m <p style="text-align: right;">(mana-mana 15 X 1 m)</p> <p>(15 m)</p> <p>b) Filipina</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pada bulan Jun 1962, kerajaan Filipina berada di bawah pimpinan Presiden Macapagal. 1 m - Membuat pengumuman rasmi untuk menuntut hak terhadap Sabah. 1 m - Kerajaan Filipina mendakwa bahawa Sabah masih merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu. 1 m - Tuntutan Filipina dibuat berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada 22 Januari 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Overbeck. 1 m - Baron Overbeck kemudiannya telah menjualkan haknya kepada Alfred Dent yang menubuhkan syarikat perdagangan yang berjaya memperolehi Piagam Diraja daripada British. 1 m - Pada tahun 1881, syarikat ini dikenal sebagai Syarikat Borneo Utara British (SBUB) 1 m - Syarikat ini memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun. 1 m - Pada tahun 1946, SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada British. 1 m 	
-------	---	--

	<ul style="list-style-type: none"> - Pada 22 Januari 1958, waris Sultan Sulu yang terakhir iaitu Sultan Esmail Kiram telah mengisytiharkan bahawa pajakan ini telah tamat. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Walau bagaimanapun, menjelang bulan Jun 1966, Filipina mengiktiraf penubuhan Malaysia. 	1 m
	<ul style="list-style-type: none"> - Pengiktirafan ini diberikan menerusi usaha membaiki hubungan antara kedua-dua negara melalui MAPHILINDO (Malaysia, Filipina dan Indonesia). 	1 m
	(mana-mana 10 x 1 m)	(10 m)

Soalan 5

Jelaskan perkaitan antara pembentukan Malaysia dengan kegemilangan dan kemakmuran negara kita.

Soalan 5	Butiran	Markah
	- Sumber hasil dapat diperkaya/dimajukan	1m
	- Negeri kurang maju dapat dimajukan	1 m
	- Keluasan negara bertambah	1 m
	- Bilangan penduduk bertambah	1 m
	- Mewujudkan pasaran yang lebih luas	1 m
	- Menggalakkan perkembangan industri pertanian	1 m
	- Dapat memanfaatkan sumber yang ada di negeri-negeri itu	1 m
	- Mengimbangkan jumlah kaum di negeri-negeri anggota	1 m
	- Menggalakkan pelaburan	1 m
	- Pertahanan negara lebih kukuh	1 m
	- Ancaman komunis dapat dibanteras	1 m
	- Meluaskan pasaran negara	1 m
	- Pertahanan negara dapat dipertingkatkan	1 m
	- Membangunkan sektor pelancongan	

	- Dapat membekalkan tenaga mahir/tenaga kerja	1 m
	- Kesepakatan memajukan negeri masing-masing demi kepentingan bersama	1 m
	- (Mana-mana jawapan munasabah)	1 m
	(Mana-mana 10 X 1m)	(10 m)

Soalan 6

Bincangkan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan hubungan baik dengan negara jiran dan cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.

Soalan 6	Butiran	Markah
	Cabaran yang dihadapi	
	- Mengamalkan rasuah	1 m
	- Gejala dadah	1 m
	- Menjadi kaldai dadah	1 m
	- Demonstrasi jalanan	1 m
	- Lumba haram	1 m
	- Pembunuhan dan penculikan	1 m
	- Keruntuhan akhlak	1 m
	- Kegiatan mencuri/merompak	1 m
	- Pemerdagangan manusia	1 m
	- Vandalisme	1 m
	- Memainkan isu sensitif	1 m
	- Kemenjadian masyarakat	1 m
	- Pasaran produk keluaran terhad.	1 m
	- Persaingan dengan negara industri dunia.	1m
	- Persaingan daripada negara jiran.	1m
	- Peniaga kecil sukar membuat pinjaman.	1m

	- Pelabur asing berpindah ke negara lain.	1m
	- Kos pengeluaran meningkat.	1m
	(Mana-mana jawapan munasabah)	1m
	Langkah-langkah untuk mengatasi	
	- Membangunkan projek pelestarian minyak dan gas negara.	1m
	- Menerapkan integriti - anti rasuah.	1m
	- Melahirkan modal insan berkualiti/kelas pertama.	1m
	- Meningkatkan kajian dan pembangunan.	1m
	- Mengukuhkan institusi kekeluargaan.	1m
	- Merealisasikan Wawasan 2020	1m
	- Mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi hiliran.	1m
	- Membina platform tenaga mampan.	1m
	- Menarik golongan professional.	1m
	- Membangunkan ekonomi pelancongan.	1m
	- Membangunkan teknologi hybrid.	1m
	- Meningkatkan pembangunan teknologi hijau.	1m
	(mana-mana jawapan munasabah)	
	(Mana-mana 10 X 1 m)	(10 m)

Soalan 7

Huraikan ikhtibar yang diperolehi daripada kajian anda terhadap proses pembentukan Malaysia.

Soalan 7	Butiran	Markah
	- Mempunyai semangat berdikari.	1 m
	- Bercita-cita tinggi dan berwawasan jauh.	1 m
	- Sedia menerima perubahan.	1 m
	- Berani meneroka peluang baharu.	1 m
	- Bijaksana dalam tindakan.	1 m
	- Semangat inovasi meningkatkan pencapaian dan taraf hidup	1 m

	<ul style="list-style-type: none"> - Sikap keterbukaan menerima pengaruh luar yang positif meningkatkan lagi kegemilangan ekonomi - Kepatuhan kepada undang-undang menjamin keamanan - Perpaduan masyarakat mewujudkan kerjasama dan kesejahteraan - Sikap bertanggungjawab terhadap tugas dan amanah yang diberikan menjamin kejayaan <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>
	(Mana-mana 10 X 1)	(10 m)

Soalan 8

Buat rumusan tentang proses pembentukan Malaysia.

Soalan 8	Butiran	Markah
	<p>Kesimpulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengetahuan yang diperolehi - Nilai-nilai murni - Unsur patriotisme - Harapan kepada masyarakat dan negara. <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>2 m</p>
	Jumlah	(5 m)